



AMIR (kanan) melawat tapak pembinaan terowong berkembar MRT di bawah Jalan Bukit Bintang, semalam.

PROJEK MRT

Terowong kembar siap

■ Kerja korek dikendalikan TBM Inai 1, TBM Inai di bawah Jalan Bukit Bintang selesai

BERNAMA
Kuala Lumpur

Pembinaan dua terowong berkembar MRT di bawah Jalan Bukit Bintang siap apabila dua mesin pengorek (TBM) terowong bertemu di Pudu baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam Mass Rapid Transit (MRT) Corporation Sdn Bhd, Amir Mahmood Razak berkata TBM Inai 1 dan TBM Inai masing-masing menamatkan pengerudian di kawasan pembinaan MRT Pudu pada 16 Oktober dan 21 Oktober.

"Kemajuan keseluruhan yang dicapai oleh kerja bawah tanah projek MRT kini berada pada tahap 68.5 peratus pada akhir September, manakala pembinaan terowong secara keseluruhannya mencapai 88 peratus.

"Kami hanya mempunyai dua TBM yang mengorek dari syaf Pudu menuju ke Pasar Seni. Semua kerja pembinaan terowong dijangka siap menjelang suku pertama 2015, namun kerja bawah tanah akan berterusan sehingga Disember 2016," katanya kepada media di tapak syaf pelancaran MRT Pudu semalam.



TEROWONG berkembar MRT di bawah Jalan Bukit Bintang siap pada 16 dan 21 Oktober lalu.

FAKTA
Sebanyak tujuh stesen bawah tanah akan dibina

Ketua Terowong MMC-Gamuda Ng Hau Wei berkata kerja pembinaan terowong sangat mencabar disebabkan keadaan geologi kawasan itu.

"Jalan Bukit Bintang melintasi dua formasi geologi di hujung Jalan Bukit Bintang sebelah timur berada di atas kawasan berbatu kapur Kuala Lumpur manakala hujung sebelah barat berada di atas formasi Bukit Kenny, peralihan antara dua formasi ini membabitkan kawasan Pavilion," katanya.

Cabaran lain termasuk penumpuan utiliti yang sangat padat, katanya, sambil menambah, penggunaan teknologi kejuruteraan ketepatan tinggi, termasuk TBM yang mempunyai teknologi

Pemboleh ubah Ketumpatan berjaya menyelesaikan masalah itu.

"Di samping mampu mengurangkan pembentukan tanah jertus, ia juga boleh berubah dari mod kolam berlumpur (ketika mengorek menerusi formasi batu kapur) kepada mod pengimbangan tekanan bumi (semasa mengorek melalui formasi Bukit Kenny) dan sebaliknya," katanya, semalam.

MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer (km) termasuk 9.5 km di bawah tanah akan melalui pusat bandar.

Sebanyak tujuh stesen bawah tanah akan dibina iaitu KL Sentral, Pasar Seni, Merdeka, Bukit Bintang Sentral, Pasar Rakyat, Cochrane dan Maluri.